

15 JAN 1998

Mahathir-persidangan

MALAYSIA ANJUR PERSIDANGAN PENGETAHUAN SEJAGAT

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Malaysia akan menganjur Persidangan Pengetahuan Sejagat tahun depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat keenam Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC), Perdana Menteri berkata kerajaan bersetuju menjadi tuan rumah persidangan dua tahun sekali itu yang dimulakan oleh Bank Dunia di Toronto, Kanada, tahun lepas.

MIMOS Bhd President dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen berkata ia merupakan siri persidangan baru yang dipelopori oleh Bank Dunia berdasarkan kepada struktur ekonomi, sosial dan politik dunia yang didorong oleh paradigma pengetahuan.

"Mereka mahu sebuah negara membangun menjadi tuan rumah untuk persidangan berikutnya dan sebab itu Malaysia dipertimbangkan, dan disebabkan penonjolan inisiatif kita dalam MSC (Koridor Raya Multimedia), Malaysia dianggap negara yang sesuai. Kita sedia menyahut cabaran itu," kata Tengku Mohd Azzman, yang juga setiausaha tetap NITC yang mengandungi 21 anggota.

Beliau berkata persidangan pertama di Toronto membincangkan isu akses dan kesaksamaan yang didapati penting untuk menjamin kestabilan dunia.

Mengenai kemajuan MSC, Dr Mahathir yang juga pengerusi NITC, berkata zon siber seluas 15 km x 50 km ke selatan Kuala Lumpur itu tidak terjejas oleh langkah penjimatan oleh kerajaan sekarang.

"Kita sekadar sediakan infrastruktur dan kemudahan asas manakala selebihnya adalah pelaburan oleh mereka yang melabur dalam MSC," katanya.

Perdana Menteri berkata 17 daripada 41 anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC telah mengesahkan bahawa mereka akan menghadiri mesyuarat panel itu di sini bulan depan.

Beliau berkata bilangan kecil itu tidak bermakna anggota panel itu telah hilang minat atau tidak berfungsi sebagai penasihat kepada badan itu yang ditubuhkan tahun lepas.

"Kita menjangka tidak semua akan hadir. Perlu diingat bahawa IAP adalah satu panel yang besar. Pada satu-satu masa, tidak semua daripada mereka boleh hadir dan ini biasalah.

"Tetapi, mereka datang dan berjumpa dengan saya. Malahan ada antara mereka yang tidak hadir pada mesyuarat IAP yang lepas di California kemudiannya menemui saya dan kami berbincang lama mengenai MSC," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata pengerusi Microsoft Bill Gates tidak akan hadir pada mesyuarat panel itu tetapi akan menemui beliau pada Mac. --

BERNAMA

AH MAI